

Newspaper	Berita Harian
Date	17 March 2016

# PM ikrar terus istiqamah, fokus tadbir negara

BH-17/3/2016

» *Najib  
konsisten  
laksana pelan  
pembangunan,  
tak hilang arah*

Oleh Mohd Hamizar Hamid  
dan Norakmah Mat Youb  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**erajaan akan terus istiqamah dan fokus melaksanakan semua pelan dirancang bagi memperkukuh urus tadbir negara, walaupun menerima serangan politik bertali arus, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, keputusan untuk terus konsisten terhadap semua pelan akan membawa negara kepada pengiktirafan antarabangsa.

### Tak hilang hala tuju

"Saya bersama rakan dalam BN (Barisan Nasional) perlu istiqamah dan fokus terhadap apa juga serangan politik yang diterima dan jangan hilang hala tuju.

"Kami mempunyai pelan dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Lambat laun rakyat akan hargai usaha yang kita lakukan," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Tan Sri Annuar Musa (BN-Keterah) yang bertanya apakah



Najib ketika sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

“  
Kami mempunyai  
pelan dan diiktiraf  
di peringkat  
antarabangsa.  
Lambat laun  
rakyat akan  
hargai usaha  
yang kami  
lakukan”

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

Najib sedar mengenai banyak kejayaan dicapai pada peringkat ASEAN dan bagaimana untuk mengekalkan pengurusan ekonomi negara di Dewan Rakyat, semalam.

Najib turut membandingkan apa yang berlaku kepada dirinya kini dengan yang pernah berlaku terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Masa zaman Dr Mahathir dulu, macam-macam dilemparkan kepadanya... mahazalim, mahafiraun tetapi sekarang nampak duduk bersama (pembangkang) pula," katanya.

### Jawab semua tuduhan

Dalam pada itu, Najib yang mengakui bertanggungjawab kepada rakyat akan menjawab semua pertuduhan terhadapnya selepas siasatan ke atas 1Malaysia Development berhad (1MDB) selesai.

Beliau berkata, bukan setakat 1MDB, malah isu berkaitan dana RM2.6 bilion juga diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara untuk disiasat.

"Tidak ada apa yang perlu dibimbangkan kerana proses akauntabiliti akan tetap diteruskan," katanya.